



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 JUNE 2017

Isu Dr. M: Bukti diserahkan

um-21/6/2017 pg.14

PUTRAJAYA 20 Jun - Kemelut yang melanda Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) memasuki episod baharu apabila salah seorang Exco Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) menyerahkan bukti mendakwa berlaku salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah melibatkan pemimpin utama parti tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mohamad Taufik Abas yang juga Pengerusi Biro Jaringan Luar Bandar PPBM berkata, pihaknya tidak dapat berdiam diri apabila mengetahui wujud unsur salah guna kuasa dan rasuah dalam pemberian tender membekalkan kabel fiber optik kepada syarikat Opcom Sdn. Bhd. (Opcom) yang didakwa dimiliki Timbalan Presidennya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir oleh syarikat Telekom Malaysia Bhd. pada 2003.

Beliau berkata, tender terus itu dipercayai diberikan sendiri oleh Kementerian Kewangan yang ketika itu jawatan Menteri Kewangan disandang oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Kami meminta SPRM menyiasat bukti rasuah dan salah guna kuasa ini kerana melibatkan pemberian tender terus oleh Dr. Mahathir yang juga Perdana Menteri ketika itu kepada syarikat Opcom milik anaknya.

"Bagi saya isu salah guna kuasa perlu diperjelas kepada rakyat dan ahli PPBM sebelum kita menyerang orang lain, rumah kita kena dibersihkan dahulu sebelum menyerang orang lain. Saya tidak kira siapa dan tinggi mana sekali pun jawatannya apabila melibatkan rasuah kita akan tentang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar bersama sekumpulan penyokongnya selepas memberikan keterangan hampir dua jam di Ibu pejabat SPRM di sini hari ini.

Dalam pada itu, menurut Mohamad Taufik, parti tersebut perlu membersihkan namanya daripada sebarang skandal rasuah sama ada berlaku dahulu atau sekarang bagi mengembalikan semula keyakinan rakyat dan ahli akar umbi.